

31 JUL 2001

Law-Bukit

SESI PERBINCANGAN BAGI PERANCANG, KATA LAW

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Satu sesi perbincangan akan diadakan antara pihak yang relevan bagi mencari jalan untuk menghalang pemotongan bukit bagi tujuan pembangunan, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding hari ini.

Law berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir baru-baru ini sekali lagi melahirkan kebimbangan mengenai aktiviti seumpama itu dan kementerian sedar dan menyokong idea itu.

Pada masa sekarang, para pemaju cenderung untuk meratakan kawasan berbukit bagi tujuan pembangunan, katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Pusat Penderiaan Jauh Malaysia (Macres) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) di sini.

"Ia bukannya amalan yang baik kerana ia merosakkan landskap dan keindahan sesebuah kawasan. Akhirnya...pembeli perlu membayar lebih bagi membeli harta seperti itu," katanya.

Law berkata sesi perbincangan itu akan melibatkan perancang bandar, arkitek, jurutera dan persatuan pemaju serta kementerian yang relevan.

Mengenai MoU itu, beliau berkata Macres dan JPSM akan bekerjasama bagi pemetaan hutan, trek jalan balak, dan pemetaan pokok-pokok menggunakan penderiaan jauh menerusi satelit dalam usaha untuk mempunyai hutan yang diurus dengan betul.

Law juga berkata Macres akan menyediakan teknologi bagi bidang spesifik bagi membolehkannya mempunyai perancangan tersusun dalam perhutanan Malaysia.

Beliau berkata usaha Macres akan menjadi lebih mudah apabila stesen satelit penerima bumi di Temerloh, Pahang siap dan beroperasi sepenuhnya tahun depan.

Pada masa ini, Macres memperolehi data dan gambar satelit dari Thailand dan ianya mengambil masa kerana ia bergantung kepada keutamaan stesen bumi di negara itu.

Law berkata stesen Temerloh itu mampu meliputi radius 2,500km termasuk Asia Tenggara, Sri Lanka dan sebahagian China dan India.

Sementara itu, Ketua Pengarah JPSM Datuk Zul Mukhshar Datuk Mohd Shaari berkata dengan MoU itu, JPSM akan dapat menjimatkan masa dan wang bagi pemetaan hutan dan mengesan pembalakan haram.

"Gambar satelit dapat membantu kami menguruskan hutan secara lebih terancang dan menghalang pemusnahan spesies hutan apabila trek jalan balak dibuat di sesebuah kawasan," katanya.

Zul Mukhshar menandatangani MoU itu bagi pihak JPSM manakala Macres diwakili Pengarahnya Nik Nasruddin Mahmood.

Macres diwujudkan secara rasminya pada Ogos 1988 dan beroperasi sepenuhnya pada Januari 1990.

Objektifnya bagi membangunkan ruang penderiaan jauh dan teknologi berkaitan dan memanfaatkan aplikasi mereka bagi pengurusan sumber dan alam sekitar dan perancangan strategik negara.

-- BERNAMA

DC AZZ RHM